

05/01/2000

Umno wajar dampingi pengundi sepanjang masa

Kamal Ahmad

MAJLIS Tertinggi (MT) Umno mengakui faktor dalaman parti adalah punca undi untuk Umno merosot dalam pilihan raya umum ke-10 selain daripada fitnah dan pembohongan yang disebar oleh Pas. Kedua-dua faktor dalaman dan luaran ini wajar ditangani segera.

Lima tahun ini perlu dilihat sebagai tempoh paling kritikal kepada Barisan Nasional (BN) dan Umno. BN akan menghadapi semula pengundi pada pilihan raya umum yang mungkin diadakan seawal 2003. Kini Umno perlu melakukan pembetulan selain memulihkan imej dan kewibawaannya. Faktor dalaman dan luaran yang turut menyaksikan beberapa menteri Umno tumbang, perlu dikesan serta ditangani.

Umno wajar melihat aliran pengundi Melayu sekarang yang lebih cenderung kepada parti pembangkang. Umno perlu tahu dan menentukan petak mana yang bakal dipangkah oleh 680,000 pendaftar baru yang tidak berpeluang mengundi baru-baru ini.

Begitu juga dengan ratusan ribu pendaftar baru selepas ini, sebelum pilihan raya umum pada 2003 atau 2004. Apa yang dibimbangi ialah 'sentimen 1999' terus menjalar hingga pilihan raya umum ke-11 nanti.

Selama ini pengundi memilih calon BN kerana parti dan kewibawaan lambang dacing. Apakah selera ini mahu diubah?

Sentimen peribadi begitu dirasakan oleh calon BN. Kelemahan dan perlakuan peribadi calon BN kerap dijadikan isu kempen lawan. Kereta mewah, rumah besar, kroni dan tidak menjenguk kawasan adalah antara isu yang mereka gembar-gemburkan.

Justeru, Umno juga wajar menilai aliran dan kecenderungan pengundi menolak calon yang terlalu lama menjadi wakil mereka, sedangkan jasa mereka tidak seberapa. Ramai calon yang dipilih bertanding untuk penggal keempat atau kelima, dipertikaikan.

Sentimen itu antara yang dimainkan oleh Pas dan logiknya termakan oleh majoriti pengundi seperti di Terengganu. Kesannya, kerajaan BN Terengganu, tumpas apabila Pas memainkan isu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad yang sudah lima penggal menjadi Menteri Besar.

Begitu juga dengan bentuk perang saraf dan tindakan sabotaj Pas perlu diambil perhatian oleh Umno.

Walaupun mendakwa Pas berkempen sepanjang masa, Umno sebenarnya boleh berbuat demikian jika parti itu mengetahui betapa baiknya kesan mendampingi ahli dan rakyat sepanjang masa.

Mereka yang tidak boleh berkempen mungkin menteri atau wakil yang menyandang jawatan di Pusat atau negeri tetapi apakah alasan wakil rakyat biasa yang sesetengahnya hanya muncul lima tahun sekali.

Adalah lebih bijak tempoh berkempen digunakan sepenuhnya untuk menangkis serangan lawan atau melakukan serangan balas. Tempoh yang singkat itu tidak lagi sesuai untuk memenangi hati pengundi. Ia sepatutnya dilakukan sepanjang masa.

Biasanya tempoh kempen yang singkat itulah yang lazimnya digunakan secara terburu-buru oleh calon Barisan Nasional (BN) untuk mendampingi dan memikat pengundi sedangkan ketika itu nasi sudah menjadi bubur.

Kesan strategi itu pastinya jauh berbeza dengan cara Pas yang berkempen sepanjang masa. Jika fitnah dan pembohongan terus disogokkan ke telinga rakyat, lama-kelamaan, ia akan dipercayai.

Justeru, Umno wajar mewujudkan jentera yang mampu berkempen sepanjang masa. Jika pemimpin Pas boleh berceramah setiap malam dan bergerak ke

segenap pelosok negara, tidak ada alasan Umno tidak mampu melakukan perkara yang sama.

Umno juga wajar melihat keberkesanan program perkaderan ahli sebagai satu strategi paling berkesan 'mengUmnokan' dan mewujudkan lapisan muda dalam barisan kepimpinan parti.

Jika Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah memberi amanat perlunya anak cucu orang Melayu diUmnokan, maka program pengkaderan adalah satu daripada caranya. Tetapi tidak ada mana-mana pihak pun dalam Umno yang merujuk kepada Abdullah mengenai usaha itu.

Unit penyelidikan Umno perlu diperkemas dan fungsinya dipertingkatkan. Malah wajar sebagai sebuah parti utama, Umno sepatutnya sudah lama memiliki 'makmal penyelidikan dan pembangunannya'.

Strategi perkaderan sudah lama dilaksanakan oleh beberapa pertubuhan di negara ini atau di luar negara. Ia sejak beberapa tahun lalu dilakukan oleh Pas dan hasilnya parti itu kini semakin ketara mendapat sokongan kalangan profesional dan pelajar institusi pengajian tinggi tempatan serta di seberang laut. Lihat saja bagaimana hangatnya sokongan terhadap calon 'parti Islam' dalam pilihan raya kampus.

Ditanya mengenai kemerosotan undi yang diperolehi calon Umno dan BN, Ahli Majlis Pas Pusat, Mohamad Sabu berkata, partinya sangat mengharapkan keadaan Umno sekarang bertambah buruk kerana keadaan itu akan memberi laluan lebih luas kepada Pas meluaskan pengaruh.

Beliau bagaimanapun menyedari, harapan itu mungkin tinggal impian jika Umno berjaya melakukan pembedahan dalam tempoh terdekat ini. Malah Mohamad yakin, Umno akan melakukan pembedahan selepas menerima 'pukulan' hebat dalam pilihan raya umum ke-10 lalu.

Ditanya peluang Pas untuk menambah petak dalam Dewan Rakyat pada masa akan datang, Mohamad berkata, itu mungkin sukar kerana BN khususnya Umno pasti melakukan sesuatu untuk menyekat kemaraan Pas.

Bagaimanapun beliau yakin dengan 'teori jangkitan' Pas. Bermula dengan menawan Kelantan pada 1990 dan Terengganu tahun ini, Pas kini menumpukan perhatian terhadap Pahang. Malah, walau beliau 'bersedia berpindah' dari Parlimen Kuala Kedah ke Parlimen Rompin ketika berseloroh pada hari kedua dan keempat persidangan Dewan Rakyat (21 dan 23 Disember) lalu tetapi seloroh itu perlu dipandang serius.

Beliau sebelum ini optimis Pas dapat menawan Perlis. Tetapi Umno terselamat berikutan Datuk Harun Din tidak bertanding, katanya.

Mohamad juga tidak keberatan memberi pandangan punca calon Umno tewas atau undi mereka merosot. Antaranya, kegagalan Umno mendapat undi generasi muda. Ini dakwa beliau, disebabkan Pemuda Umno 'terlalu ghairah untuk berniaga' daripada mendampingi generasi muda.

Selain itu, Pemuda juga mempamerkan 'budaya korporat' dengan keghairahan menunjuk kad kredit dan kereta mewah. Ini berbeza dengan pendekatan pemimpin Pas yang tidak keberatan minum semeja dengan orang ramai di warung.

Nasib Umno juga bergantung kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) khususnya dengan melihat aspek cara berkempen yang perlu mempunyai garis panduan. Rata-rata Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari kedua persidangan Dewan Rakyat, Selasa lalu mahu SPR bertindak lebih tegas khususnya terhadap parti pembangkang yang menggunakan agama untuk berkempen.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) menegaskan, apakah pilihan raya itu menjadi proses untuk meningkatkan perpecahan dalam masyarakat khususnya orang Melayu. Ini kerana tulisan yang dipamer pada papan iklan, kain rentang dan poster tidak lagi mengikut etika kempen. "Apakah kita mahu mewariskan kepada anak kita satu masyarakat yang rapuh," katanya.

Justeru, yang perlu dititikberatkan oleh SPR bukan saja dari segi

teknikal, operasi dan pengurusan ketika pilihan raya tetapi jauh lebih besar daripada itu ialah kesan kempen tidak beretika terhadap minda, sikap dan ketahanan nasional.

Justeru, Umno dianggap dapat menangani sebahagian masalahnya menjelang pilihan raya akan datang jika SPR menguatkuasakan satu peraturan dan tatacara dengan membebaskan kempen daripada penggunaan unsur agama dan cara yang tidak berakhlak.

Malah, amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada wakil rakyat berhubung kehadiran di Parlimen serta pematuhan menteri kepada 14 etika perkhidmatan juga dilihat dapat memberi perspektif baru kepada Umno serta BN.

Seperkara lain wajar dilihat oleh Umno dan kerajaan ialah kedudukan politik di sekolah dan kampus. Perkembangan terkini menunjukkan ada guru dan pensyarah terbabit menghasut pelajar membenci kerajaan.

Institusi perguruan yang ada pengaruh tersendiri kepada pelajar wajar dibebaskan daripada pengaruh politik. Pendirian politik guru dan pensyarah di depan pelajar pastinya menyebabkan `minat politik' pelajar condong sama seperti gurunya.

Jika hendak melihat aliran ideologi, sikap dan minda generasi muda yang lebih sederhana mulai sekarang, langkah membersihkan politik di sekolah dan kampus wajar difikirkan oleh Menteri Pendidikan baru, Tan Sri Musa Mohamed.

Minda mereka perlu dibebaskan daripada belenggu ideologi Pas dan Keadilan yang lebih cenderung sebagai `ejen' merosakkan minda pelajar menjadi golongan ekstrim dan antikerajaan.

(END)